

Mohamed Apandi setuju saranan siasatan jenayah terhadap Tun M

Kuala Lumpur: Bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, bersetuju dengan saranan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Dengan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan, bahawa siasatan jenayah boleh dimulakan terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menurut syor RCI berkenaan, siasatan jenayah boleh dimulakan ke atas bekas Perdana Menteri itu mengikut Seksyen 415(b) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 417 serta Seksyen 418 kanun sama.

Negara kehilangan hak dan kedaulatan ke atas Batu Puteh kepada Singapura susulan keputusan yang dibuat ketika Dr Mahathir mengetuai pentadbiran kerajaan pada 2018.

Mohamed Apandi ketika dihubungi *BH*, bersetuju dengan saranan yang terkandung dalam laporan akhir setebal 217 muka surat oleh RCI berkenaan yang diedarkan kepada Ahli Parlimen di Dewan Rakyat, kelmarin.

“Kita kehilangan Batu Puteh selama-lamanya kerana dia (Dr Mahathir),” komennya secara ringkas.

Mohamed Apandi sebelum ini dilaporkan mendakwa beliau tidak dirujuk oleh Dr Mahathir ketika kerajaan menarik balik permohonan membatalkan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) menganugerahkan Batu Puteh kepada Singapura, enam tahun lalu.

Mohamed Apandi dipetik mendakwa bahawa ketika Dr Mahathir membuat keputusan berkenaan, beliau tidak pernah dirujuk sebagai Peguam Negara ketika itu, malah telah dipaksa untuk bercuti selama 30 hari oleh Ketua Setiausaha Negara

pada masa itu.

Beliau dilantik sebagai Peguam Negara pada Julai 2015, mengambil alih tugas daripada Tan Sri Abdul Gani Patail yang ditamatkan perkhidmatan berkuat kuasa 27 Julai tahun sama atas sebab kesihatan, Perkhidmatan Mohamed Apandi bagaimanapun ditamatkan kerajaan pada Jun 2018.

Thomas dicadang Tun M

Peguam Negara baharu yang menggantikan beliau ialah peguam terkemuka, Tan Sri Tommy Thomas yang dicadangkan oleh Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri ketika itu.

Prosiding RCI itu diusulkan berikutan Malaysia kehilangan Batu Puteh kepada Singapura selepas Jemaah Menteri yang diketuai Dr Mahathir pada 2018 bertindak menarik balik permohonan untuk membatalkan keputusan ICJ.

Laporan akhir yang dinyahklasifikasikan itu sudah diserahkan oleh Pengerusi RCI berkenaan, Tun Md Raus Sharif, kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, di Istana Negara pada 12 Ogos lalu.

Berikutan itu, RCI berkenaan mencadangkan supaya satu laporan polis dibuat oleh setiausaha suruhanjaya bagi membolehkan siasatan dimulakan.

Laporan ditandatangani tujuh anggota suruhanjaya dipengerusikan Md Raus yang juga bekas Ketua Hakim Negara itu menyatakan dalam konteks Seksyen 415(b), apa yang perlu ditunjukkan ialah Dr Mahathir menipu Jemaah Menteri dan dengan sengaja mendorong Kerajaan Malaysia untuk tidak meneruskan permohonan itu walaupun keputusan berkenaan dibuat secara sepihak oleh beliau tanpa kelulusan Jemaah Menteri.